

Kayuh Merdeka 2018, tingkat semangat patriotik warga UMP

Oleh Faizatul Farhana
Farush Khan
ffarhana@bh.com.my

Gambang

Bersempena Bulan Kebangsaan baru-baru ini, Universiti Malaysia PAhang (UMP) menganjurkan Kayuh Merdeka 2018 bertujuan menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan warga kampus.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Prof Datuk Dr Yusserie Zainuddin, berkata program itu menyaksikan 61 warga kampus mengelilingi kampus dengan menaiki basikal sambil mengibarkan Jalur Gemilang.

Katanya, sebagai institusi pengajian tinggi yang mensasarkan melahirkan graduan berciri insaniah mulia, UMP mahu memainkan peranan

bagi memupuk perasaan sayang dan bangga terhadap negara.

Peserta ini berbasikal mengelilingi kampus dan singgah di beberapa lokasi, iaitu Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Perpustakaan, Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan serta Pusat Teknologi Maklumat.

Semangat jati diri

"Mereka juga bertemu anak cilik di Taska Anakku Comel UMP bagi mengagihkan Jalur Gemilang supaya masyarakat dapat dipupuk dengan kecintaan terhadap negara sejak kecil," katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Kebangsaan Peringkat Universiti, di sini, baru-baru ini.

Prof Yusserie berkata, pada program itu beliau turut memasang Jalur Gemilang di kenderaan universiti sebagai tanda sokongan terhadap

sambutan hari kebangsaan.

Katanya, selain aktiviti berbasikal, UMP turut mengadakan pelbagai program menarik bermula 15 Ogos lalu hingga 16 September ini sebagai tanda ingatan dan keraian menyambut hari penting Malaysia, termasuk mengibarkan bendera di bangunan serta pejabat di dalam kampus.

Beliau berkata, UMP turut menganjurkan pertandingan fotografi 'Lensa Merdeka 61' dan pertandingan video pendek 'Lensa Bakti' bagi memberi peluang kepada warga kampus menonjolkan bakat serta kreativiti mereka.

"Festival 'Aku Darah Anak Malaysia' juga dianjurkan bagi menyemarakkan semangat jati diri dan meningkatkan kesedaran mengenai sejarah kemerdekaan, selain menanam perasaan sayang kepada negara."

"Aktiviti lain termasuk Pameran Kemerdekaan 2018,



Prof Yusserie (memegang bendera) melepaskan peserta berbasikal Kayuhan Merdeka 2018 pada Sambutan Bulan Kebangsaan Peringkat Universiti.

Kuliah Ke Komuniti Global, Aspirasi Merdeka, Cendekia Bicara yang menampilkan jurufoto dan jurnalis profesional yang juga aktivis kemanusiaan, Stefano Romano dari Itali serta penerima Anuge-

rah Hadiah Guru Global, Noorjahan Sultan," katanya.

Prof Yusserie berkata, sambutan turut menyaksikan prapelancaran kajian produk pengurusan kepelbagaiannya, iaitu Autentik, Dinamik,

Altruistik dan Manusia (ADAM) dijalankan sekumpulan penyelidik UMP dengan diketuai Pensyarah Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan, Dr Munira Abdul Razak.